

22/11/1998

Pengusaha pelancongan perlu memanfaatkan sumber alam

PULAU PANGKOR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa pengusaha pusat pelancongan supaya memanfaatkan sumber alam semula jadi untuk tarikan pelancong ke negara ini.

Menurutnya, negara ini mempunyai banyak hutan semula jadi berusia beratus juta tahun yang mampu dijadikan tarikan bagi membantu mempertingkatkan industri pelancongan di negara ini.

"Banyak faktor mengapa pelancong datang ke sini. Di sini mereka dapat melihat dan tinggal di hutan yang berusia berjuta tahun yang sukar ditemui di tempat lain," katanya ketika merasmikan pusat pelancongan antarabangsa Marina Bay di Pangkor Laut, dekat sini, semalam.

Hadir sama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib; dan Pengarah Urusan YTL Corporation Bhd, Tan Sri Francis Yeoh.

Beliau melahirkan rasa bangganya terhadap usaha YTL Corporation dalam membangunkan hutan semula jadi berusia dua juta tahun di Pangkor Laut sebagai pusat peranginan bertaraf antarabangsa.

Pusat peranginan Marina Bay berharga RM50 juta itu dibangunkan sejak 1995 mempunyai sembilan estet dengan setiap satu menawarkan kadar sewa RM5,700 (AS\$1,500) dan RM9,500 (AS\$2,500). Setiap estet mempunyai dua hingga empat bilik tidur, ruang makan, tempat beristirehat dan kolam renang.

Menurutnya, adalah berbaloi untuk pelancong berbelanja besar ketika berkunjung ke pusat peranginan itu berdasarkan kepada pelbagai kemudahan yang disediakan dan tarikan semula jadi yang ada di situ.

(END)